



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

### **25 Sep 2020 (Jumaat)**

#### **Berita Harian**

Syor pinda akta tabung endowmen	1
JDT dijangka tiada masalah atasi PJ City	2

#### **Utusan Malaysia**

Penduduk tiada pilihan, MPKJ digesa bertindak	3
Peraturan masjid, surau bertentangan arahan MKN	4
PJ City terdesak 'baham' JDT	5

#### **Kosmo**

Tanah kubur tanpa warta terbiar	6
Lebih 70 pokok tumbang akibat ribut	7

#### **Sinar Harian**

Ajaran sesat kanser dalam masyarakat	8
--------------------------------------	---

#### **The Star**

Mbj tax rebate	9
MBSA ON WHEELS	10
Selangor DOE has test result on Sg Gong pollution	11
USJ10 gets facilities for disabled folk	12
Technical agencies in favour of new approach	13
All out stop illegal dumping in Klang	14
S'gor reps say the are aware of Anwar's move	15

#### **The Edge CEO Morning Brief**

Malaysia record approved investments totalling RM64.8b in 1H20 - MIDA	16
---	----



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>25 September 2020</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Syor pinda akta tabung endowmen
Muka Surat	:	21

# Syor pinda akta tabung endowmen

Sumber alternatif biayai operasi universiti, dana bantu pelajar B40

Oleh Mahani Ishak  
 mahani@bh.com.my

**Petaling Jaya:** Kerajaan diharap membuat perubahan Akta Cukai Pendapatan 1967 berkaitan tabung endowmen berikutan Malaysia jauh ketinggalan berbanding perkembangan tabung itu di luar negara.

Tabung endowmen itu adalah sumber alternatif pembiayaan di universiti bagi membiayai operasi, penyelidikan dan membantu golongan pelajar kurang berkemampuan ( B40).

Pengasas dan Pemegang Amanah Yayasan Jeffrey Cheah, Tan Sri Dr Jeffrey Cheah, berkata mengikut peraturan sedia ada, yayasan dikehendaki mengagihkan sekurang-kurangnya dana yang diterima pada tahun seterusnya.

Katanya, tabung endowmen da-

lam kalangan institusi pengajian tinggi masih baharu meskipun di luar negara ia sudah dipraktikkan secara meluas.

“Dengan penubuhan tabung endowmen, ia akan membantu memastikan kelestarian yayasan untuk kepentingan generasi masa depan.

“Kita berharap kerajaan dapat melakukan perubahan undang-undang yang perlu bagi membolehkan kita melancarkan tabung endowmen ini,” katanya pada sidang media mengenai perancangan Yayasan Jeffrey Cheah untuk menubuhkan tabung endowmen bernilai melebihi RM1 bilion bagi tempoh 10 tahun.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang juga Penaung Diraja Yayasan Jeffrey Cheah menghadiri sidang media itu, selain Ahli Lembaga Ama-

nahnya, Tunku Zain Abidin Tunku Muhriz, Datuk Seri Idris Jala dan dua yang baru dilantik, Tan Sri Jemilah Mahmood serta Toh Puan Dr Aishah Ong.

Jeffrey berkata, berbeza dengan Amerika Syarikat dan Singapura, institusi pengajiannya dibenarkan mengumpul derma yang boleh dijadikan pelaburan dan dimasukkan dalam simpanan tetap.

“Institusi itu kemudian akan menggunakan hasil pelaburan atau faedah daripada bank untuk membiayai aktiviti dan dana asalnya tidak digunakan.

“Sehingga kini, Yayasan Jeffrey Cheah bernilai lebih RM1.2 bilion dan disokong aset ketara bersih bernilai RM800 juta,” katanya.

Mengulas lanjut, katanya, menerusi dana endowmen itu, yayasannya akan mengembangkan sumbangan dalam pembangunan negara, pendidikan, penyelidikan dan pembangunan lestari untuk jangka panjang.

“Kita mahu menjadikan Mala-



**Jeffrey Cheah**

aysia hab serantau kecemerlangan pendidikan, penyelidikan dan penjagaan kesihatan dengan mewujudkan pendidikan berkualiti mampu dibayar dan terbuka bagi semua pelajar berkelayakan.

“Sejak 10 tahun yayasan ini memiliki dan mentadbir 16 institusi di bawah Sunway Education Group dan dijangka mengagihkan hampir RM540 juta menjelang akhir tahun ini dalam bentuk biasiswa dan geran.

“Kita juga sudah bekerjasama dengan beberapa universiti berprestij antaranya University of Cambridge, Harvard University, University of Oxford dan University of California, Berkeley. Ia merangkumi penubuhan Pusat Penyelidikan Klinikal University of Cambridge, Pusat Penyampaian Kesihatan Global Harvard dan Pusat Jeffrey Sachs Mengenai Pembangunan Lestari di Sunway City dekat sini,” katanya.



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>25 September 2020</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	JDT dijangka tiada masalah atasi PJ City
Muka Surat	:	54

# JDT dijangka tiada masalah atasi PJ City

**Kuala Lumpur:** Johor Darul Ta'zim (JDT) dianggap sudah boleh 'angkat' Piala Liga Super buat kali ketujuh berturut-turut sekiranya berjaya menundukkan PJ City di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), malam ini.

Di atas kertas, skuad Harimau Selatan tetap perlu menunggu keputusan perlawanan antara Pahang dan Kedah di Kuantan, esok untuk mengesahkan kejuaraan.

Namun, secara matematikanya tiga mata di Stadium MBPJ sudah cukup untuk mereka mempertahankan kejuaraan jika di-kira dari segi baki perlawanan dan jumlah perbezaan besar gol dimiliki Harimau Selatan.

Berdasarkan kiraan mata, jika JDT menang ke atas PJ City dan Kedah pula berjaya menewaskan Pahang, perbezaan mata kedua-dua pasukan itu tetap enam mata dengan saingan hanya berbaki dua perlawanan.

Melihat kepada prestasi semasa, agak mustahil anak buah Benjamin Mora akan tewas kepada PJ City dan dua perlawanan terakhir berdepan Sabah serta Melaka.

Malah, Kedah pula berdepan laluan lebih sukar kerana selain wajib menewaskan Pahang, mereka perlu berdepan dua pasukan yang berada prestasi memberangsangkan ketika ini iaitu Melaka dan Perak.

Boleh dikatakan sudah lebih 90 peratus trofi Liga Super akan terus kekal di bumi Johor apatah lagi mereka juga jauh mening-

galkan Kedah dari segi perbezaan gol ketika ini dengan kelebihan 11 jaringan.

Skuad Mora bagaimanapun mungkin tidak akan berdepan laluan mudah selepas ketua jurulatih PJ City, K Devan menuntut anak buahnya bermain bermati-matian dan mendapatkan tiga mata bagi menjarakkan diri dari zon penyingkiran.

"Sudah tentu jika rekod pertemuan lalu dijadikan ukuran, pemain saya pasti bermotivasi untuk hadapi perlawanan ini biarpun saya tidak nafikan kelebihan memihak JDT," kata Devan.

PJ City yang pernah mengejutkan JDT 1-0 di Larkin dalam Liga Super musim lalu bagaimanapun masih bergelut mencari kemenangan pertama sejak enam perlawanan lalu dan hanya satu mata di depan Sabah yang berada dalam zon penyingkiran.

Sementara itu, Mora pula menuntut barisan pemainnya berwaspada dengan ancaman PJ City walaupun lawannya itu kini berada di tangga ke-10 dalam carta liga.

**Jika rekod pertemuan lalu dijadikan ukuran, pemain saya pasti bermotivasi untuk hadapi perlawanan ini.**

**K Devan,**  
 Ketua jurulatih PJ City



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 25 September 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Penduduk tiada pilihan, MPKJ digesa bertindak
Muka Surat	:	19

### ADUAN PBT



**KEADAAN** jalan berlubang yang tidak diselenggara dengan baik boleh mengundang kemalangan dan kerosakan pada kenderaan.

## Penduduk tiada pilihan, MPKJ digesa bertindak

### SAUDARA PENGARANG,

**HAMPIR** setiap hari pada waktu pagi dan antara pukul 5 petang hingga 8 malam, keadaan jalan di Desa Wangsa, Cheras, Selangor agak sesak berikutan menjadi laluan alternatif bagi penduduk berdekatan memasuki lebuh raya di Batu 9 untuk ke Kuala Lumpur dan Kajang.

Namun, keadaan jalan berhampiran Apartmen Desa Wangsa itu tidak diselenggara dengan baik berikutan berlubang dan tidak rata di sepanjang laluan.

Bukan sahaja kenderaan ringan, laluan tersebut turut menjadi pilihan pemandu kenderaan berat bagi mengelak jalan utama yang sentiasa sesak.

Penduduk di kawasan berhampiran tiada pilihan lain selain terpaksa menempuh laluan itu walaupun keadaan jalan berada pada tahap paling tidak memuaskan.

Ketika waktu malam, laluan tersebut terlalu gelap hingga membahayakan penunggang motosikal yang bukan sahaja berisiko berlaku kemalangan tetapi juga mengakibatkan kerosakan pada kenderaan.

Diharap Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) dapat mengambil tindakan sewajarnya sebelum perkara buruk yang tidak diinginkan berlaku.

**MOHD. TAHAR ALIAS**  
Desa Wangsa, Cheras, Selangor



**KERATAN AKHBAR**  
**25 September 2020**

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Peraturan masjid, surau bertentangan arahan MKN
Muka Surat	:	19

# Peraturan masjid, surau bertentangan arahan MKN

## SAUDARA PENGARANG,

**SAYA** merupakan seorang pesara yang sering ke surau dan masjid di sekitar Klang, Selangor.

Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ditarik semula, saya dapati masjid dan surau di kawasan ini tidak mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) terutama berkaitan penjarakan fizikal dan pemakaian pelitup muka.

Pun begitu, saranan meletakkan pensanitasi tangan dipatuhi, namun yang menjadi persoalan dan kekeliruan dalam kalangan jemaah adalah berkaitan penggunaan sejadah.

Ini kerana terdapat beberapa surau dan masjid tidak membenarkan orang ramai bersolat sekiranya tidak membawa sejadah


sedangkan arahan tersebut telah ditarik balik oleh kerajaan.

Begitu juga terdapat masjid yang masih menggunakan sistem daftar secara dalam talian sehingga orang ramai yang tidak mendaftar awal tidak dibenarkan berjemaah.

Justeru, saya berharap Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mengambil tindakan untuk selarikan semua peraturan agar tidak membebankan orang ramai serta mengikuti saranan yang ditetapkan oleh kerajaan.

Pada masa sama, saya berharap MKN dan jabatan agama memantau isu ini kerana peraturan yang ditetapkan oleh jawatankuasa masjid dilihat tidak pratikal dan menyukarkan jemaah.

**ARZMI MOHD. ATAN**  
Klang, Selangor



**JEMAAH** tidak lagi diwajibkan membawa sejadah seperti prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan sebelum ini untuk menunaikan solat jemaah di masjid dan surau.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 25 September 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	PJ City terdesak 'baham' JDT
Muka Surat	:	46

## PJ City terdesak 'baham' JDT

**KUALA LUMPUR:** Berada dalam keadaan 'terdesak' meletakkan Petaling Jaya City (PJ City) amat bermotivasi untuk melakar kejutan apabila menerima kunjungan pendahulu Liga Super, Johor Darul Ta'zim (JDT) di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya malam ini.

Anak-anak buah K. Devan gagal mencatat kemenangan dalam enam aksi terakhir, sekali gus menghuni tangga ketiga tercorot ketika liga baki tiga perlawanan.

PJ City hanya dipisahkan dengan satu mata dari Sabah, yang berada di zon penyingkiran dan itu bermakna mereka tidak boleh kecikiran mata jika enggan tersingkir ke Liga Perdana musim depan.

Kata Devan motivasi terbesar anak-anak buahnya adalah kemenangan 1-0 yang pernah dilakar ke atas Harimau Selatan di Larkin, Julai tahun lalu.

Biarpun rekod perlawanan memihak JDT dengan tiga kemenangan berbalas satu (termasuk dua aksi kumpulan Piala Malaysia), Devan berharap pemainnya percaya pada diri sendiri mampu melakar kejutan.

"Kami tiada pilihan perlu dapatkan tiga mata untuk jauhkan diri dari zon penyingkiran dan kami tidak akan turun bermain secara bertahan walaupun lawan adalah pasukan terbaik liga," kata Devan.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>25 September 2020</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Tanah kubur tanpa warta terbiar
Muka Surat	:	15

Waris jenazah bimbang kawasan itu jadi lokasi pembuangan sampah haram

## Tanah kubur tanpa warta terbiar

### Kisah Masyarakat

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

**KUALA SELANGOR** – Kira-kira 100 waris jenazah yang dikuburkan di Tanah Perkuburan Islam Bukit Timah, Ijok di sini yang terbiar sejak 60 tahun merayu agar kawasan itu segera diwartakan kerana bimbang dijadikan lokasi pembuangan sampah haram.

Tinjauan *Kosmo!* semalam mendapati kawasan tersebut dinaiki semak samun, sukar dilalui kenderaan serta dipenuhi kehadiran anjing liar.

Lebih menyedihkan apabila tanah perkuburan itu turut menjadi lokasi pembuangan sampah haram pihak tidak bertanggungjawab.

Papan tanda larangan kerajaan negeri yang dipasang kira-kira 100 meter dari tanah perkuburan itu juga seakan tidak diendahkan.

Seorang penduduk, Muhammad Syafiq Mohd. Salleh, 29, kecewa melihat lokasi yang menjadi tempat pengebumian jenazah bayi lelakinya, dua tahun lalu.

"Jika dilihat dari luar, orang ramai mungkin tidak mengetahui terdapat tanah perkuburan ini kerana lokasinya terpencil dengan jalan tidak bertar.

"Selain semak samun, banyak kubur juga telah tidak bertanda dipercayai akibat ditenggelami air ketika hujan kerana lokasinya agak rendah," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Seorang lagi penduduk, Nur Syazwani Mustafa, 29, memberitahu, kedaifan kawasan pusara itu menyukarkan waris mencari

lokasi tersebut terutama yang menetap di luar daerah ini.

"Saya cuma bimbang pusara itu akan menjadi tempat pembuangan sampah haram sekiranya tidak diselenggara dengan baik oleh pihak bertanggungjawab," katanya.

Nazir Masjid At-Taufiqiah, Mohamad Wagiman, 71, pula mengesahkan kawasan itu diselua kariah masjid sebelum ini.

"Namun, kami masih menunggu Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Kuala Selangor untuk pewartaan bagi tujuan penambahbaikan tanah perkuburan itu," ujarnya.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jeram, Shaïd Rosli yang turut melawat lokasi tersebut akan mengusulkan isu pewartaan kepada pihak berwajib.



**WARIS** jenazah, Muhammad Syafiq (kiri) bersama isteri menziarahi kubur anak mereka di tanah perkuburan yang terletak berhampiran lokasi pembuangan sampah haram di Ijok semalam. – ZULFADHLIZAKI



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>25 September 2020</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Lebih 70 pokok tumbang akibat ribut
Muka Surat	:	17

## Lebih 70 pokok tumbang akibat ribut

**SEPANG** – Lebih 70 batang pokok tumbang dalam kejadian hujan lebat dan ribut yang melanda beberapa lokasi sekitar daerah ini pada Selasa lalu.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang), Datuk Abdul Hamid Hussain berkata, jumlah kerugian harta benda akibat kejadian itu bagaimanapun masih dalam siasatan.

Katanya, kejadian pokok tumbang dikesan paling banyak berlaku di Desa Putra, Sungai Merab dan Desa Pinggiran Putra di sini.

"Sejurus kejadian, pihak kami segera mengarahkan tindakan pembersihan dan penebangan pokok di lokasi berkenaan terutama yang menghalang laluan utama.

"Tenaga Nasional Berhad dan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. turut terlibat membaiki tiang elektrik, lampu dan menyelenggara paip yang bocor," katanya.

Menurutnya, kerja-kerja selenggara dan menebang pokok masih berjalan sehingga semalam.

Jelas beliau, Desa Pinggiran Putra paling teruk terjejas akibat kejadian ribut itu yang mana kejadian pokok tumbang dikesan di 11 kawasan di lokasi tersebut.

Dalam pada itu, Abdul Hamid berkata, pihaknya sentiasa melakukan kerja-kerja selenggara dan pemangkasan pokok



**KERATAN Kosmo/ 23 September 2020.**

secara berkala pada setiap tahun bagi mengelak kejadian tidak diinginkan.

"Sebanyak 90 pokok diselenggara dan dipangkas pada tahun lalu selain 77 pokok pada tahun sebelumnya," katanya

Sementara itu, tinjauan Kosmo! di Desa Pinggiran Putra semalam mendapati, Jabatan Landskap MPSepang dan kontraktor pembersihan masih menjalankan kerja-kerja selenggara dan pembersihan.

Dalam kejadian itu, lebih enam buah kereta milik penduduk di Desa Pinggiran Putra yang diletakkan di hadapan rumah rosak teruk akibat dihempap pokok.

Kejadian pokok tumbang turut merosakkan bahagian hadapan Dewan Orang Ramai Pinggiran Putra.

Selain itu, kejadian sama turut menyebabkan bekalan elektrik di beberapa kawasan terputus dan jalan utama masuk ke taman perumahan juga terhalang disebabkan pokok tumbang.



**POKOK tumbang turut menghempap sebuah kereta milik penduduk di Desa Pinggiran Putra pada Selasa lalu.**





<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>25 September 2020</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Ajaran sesat kanser dalam masyarakat
Muka Surat	:	16

# Ajaran sesat kanser dalam masyarakat



**ANALISIS MUKA 16**  
 PETAH WAZZAN ISKANDAR

**S**iapa sangka dalam kesibukan menghadapi wabak Covid-19, tiba-tiba negara dikejutkan dengan penangkapan seorang lelaki yang pernah mendakwa dirinya sebagai 'Rasul Melayu'.

Lebih mengejutkan, 16 pengikutnya yang ditahan berusia antara 14 dan 70 tahun di tiga lokasi berasingan di Selangor oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sedangkan jika dilihat perwatakan 'Rasul Melayu' itu, pastinya kita akan tertanya-tanya, gila isim apakah orang ini mengaku 'Rasul Melayu'.

Namun, isu ini mungkin nampak melucukan dalam kalangan masyarakat tetapi sebenarnya, ia amat serius kerana membabitkan akidah sebagai orang Islam yang berpegang kepada mazhab Ahli Sunnah Waljamaah.

Itu baru 16 orang yang ditahan dan mungkin ada ramai lagi yang berada di luar sana tetapi menyembunyikan status mereka seperti mana yang dilakukan pengikut Syiah yang dilihat mempunyai sokongan ramai berdasarkan setiap kali tangkapan dilakukan JAIS.

Malah, pada tahun 2005 negara kita gempar dengan 'Kerajaan Langit' yang dipimpin Ayah Pin atau nama sebenarnya, Ariffin Muhammad, 74, sebelum dia meninggal dunia kerana sakit tua pada 22 Ap-

ril 2016.

Seperti 'Rasul Melayu', dia dibebaskan pada tahun 2016 kemudian mengisytiharkan dirinya bertaubat serta menandatangani Dokumen Pengisytiharan Taubat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Agama Islam adalah agama rasmi yang jelas tertulis dalam Perlembagaan Persekutuan dan dalam sistem pendidikan pun, ada subjek Pendidikan Islam sejak dari sekolah rendah hingga ke sekolah menengah.

Maka, sudah pastinya ada kelompokan dalam sistem sedia ada termasuk institusi keluarga hinggalah berlakunya penyimpangan akidah yang menyebabkan mereka yang kurang ilmu agama boleh terpengaruh hingga ada yang taksub.

## Kerjasama

Dua tahun lalu, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang ketika itu Timbalan Perdana Menteri mendedahkan JAIS mendapati sebanyak 19 daripada 39 kumpulan ajaran sesat yang dikenal pasti masih bergerak aktif.

Isu ajaran sesat ini umpama kanser dalam masyarakat, jika tidak dirawat sudah pasti akan merebak lalu merosakkan pegangan agama Islam anak cucu kita.

Kerajaan kini dilihat serius bagi mengawal dan memastikan ajaran sesat dapat diatasi apabila Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata, kerjasama akan dilaksanakan antara pihaknya dengan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) dan JAIS.

Sementara itu, kenyataan Zul-

kifli yang juga bekas Mufti Wilayah Persekutuan juga diperkukuhkan dengan komitmen yang dizahirkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang memberi jaminan bahawa kerajaan Perikatan Nasional akan lebih sensitif dan responsif terhadap suara NGO Islam.

Muhyiddin berkata, ada pemimpin NGO Islam menyuarakan kebimbangan kepadanya mengenai cabaran besar yang sedang dihadapi oleh umat Islam di Malaysia dan seluruh dunia, antaranya berkaitan perkembangan baharu dalam pemikiran dan cara hidup masyarakat yang dilihat mengancam akidah dan akhlak umat Islam.

Melihat kesungguhan kerajaan dalam memastikan kesucian agama Islam dipertahankan dan diperkayakan maka usaha ini perlu dilakukan supaya tiada ahli keluarga yang menjadi mangsa ajaran sesat.

Bagaimanapun, usaha ini bukan sahaja terletak pada bahu kerajaan atau pemimpin agensi berkaitan Islam tetapi juga kepada semua masyarakat Islam kerana dengan kerjasama ini, sudah pastinya dapat dibanteras secara berhemah dan mendidik.

Sudah tiba masanya, semua pihak berkaitan agama Islam termasuk jawatankuasa masjid dan surau, komuniti penduduk, jawatankuasa-jawatankuasa kampung dan persatuan-persatuan 'mak cik bawang' bersama-sama berganding bahu memastikan kanser akidah ini dapat dirawati dan dikecang.

*\* Petah Wazzan Iskandar ialah Web Master Sinar Online*



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



### **KERATAN AKHBAR**

**25 September 2020**

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Mbpj tax rebate
Muka Surat	:	2

## **MBPJ TAX REBATE**

Houseowners who have made their homes more environmental-friendly will be eligible for assessment tax rebates from the Petaling Jaya City Council (MBPJ) until Oct 16.

Download the form at <https://bit.ly/33j6FOb>. For details, call MBPJ Solid Waste Management and Public Cleansing Department at 03-7954 1440.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>25 September 2020</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	MBSA ON WHEELS
Muka Surat	:	2

## **MBSA ON WHEELS**

Shah Alam City Council (MBSA) will place a mobile office at the parking bay of Plaza Shah Alam in Section 9, Shah Alam this Saturday from 11am to 5pm. The public can check and pay assessment tax and parking compounds and lodge complaints here.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>25 September 2020</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Selangor DOE has test result on Sg Gong pollution
Muka Surat	:	2

## Selangor DOE has test results on Sg Gong pollution

By BRENDA CH'NG  
 brenda@thestar.com.my

TEST results of water samples from the discoloured Sungai Gong in Rawang, Selangor, have been released by the Chemistry Department and the state Environment Department (DOE) is expected to take those responsible for polluting the river to task soon.

"We have received the report from the Chemistry Department and will now proceed to complete the investigation," said Selangor DOE director Nor Aziah Jaafar.

"Action will be taken under the Environmental Quality Act 1974."

She said the sample sent for testing was taken from the discharge near Indah Water Konsortium's (IWK) sewage treatment plant.

However, she declined to comment when asked about the content of the sample taken from Sungai Gong recently.

It was previously reported that investigations by the Selangor Water Management Authority (Luas) on Sept 19 found discharge of foamy and coloured effluent in the Rawang Industrial Area.

The odourless discolouration is suspected to have been from IWK's GBK 134 Area 5 sewage treatment



An officer from Luas taking water samples from Sungai Gong in Rawang earlier this week, to be sent to the Chemistry Department for testing. — Filepic



A black odourless discolouration of Sungai Gong in Rawang is suspected to have been caused by dyes.

plant and caused by dyes.

IWK had denied the source of the effluent and was reported as saying that the real cause was probably due to illegal dumping of waste.

When contacted, Selangor envi-

ronment, green technology, science, technology and innovation and consumer affairs committee chairman Hee Loy Sian said that he could not release the results from the Chemistry Department.

Meanwhile, a spokesperson from Luas said that investigation into the recent pollution of Sungai Gong involving various government agencies was still ongoing and not completed yet.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>25 September 2020</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	USJ10 gets facilities for disabled folk
Muka Surat	:	2



Six ramps were constructed in Taipan USJ following the MS 1184:2014 Malaysian standard for the benefit of disabled pedestrians in the area.

MPSJ is spending over RM455,000 on various improvements to the infrastructure for disabled pedestrians, including six pedestrian crossings in Taipan USJ as part of its Barrier-Free City pilot project. — Photos: AZLINA ABDULLAH/The Star

By **VIJENTHI NAIR**  
 vijenthi@thestar.com.my

THE USJ 10 Commercial Centre is the first area in Subang Jaya municipality to have infrastructural improvements for disabled pedestrians under the council's (MPSJ) Barrier-Free City pilot project.

MPSJ president Noraini Roslan said more than RM445,000 from the RM2.3mil allocated for the project was spent on upgrading the area, also known as Taipan USJ.

"We have chosen to work on USJ 10 first because it has a systematic public transportation system used by many to visit the area which has many businesses that attract a large crowd.

"Many disabled folk use the public transportation system but once they get off the bus or train, their last mile to the destination is found to be very challenging and dangerous, especially for those who are visually impaired or have mobility issues.

"MPSJ has been conducted a series of audits in the areas under its jurisdiction since 2018 to check on accessibility in the municipality, based on Malaysian Standard MS 1184:2014 (Universal Design and Accessibility in Built Environment).

"We completed the audits of USJ 10 and SS16 in 2018; Puchong Commercial Centre, Bandar

# USJ 10 gets facilities for disabled folk

## Commercial centre the first to benefit from Subang Jaya council's Barrier-Free City project

Kinrara, Seri Kembangan and SS15 Subang Jaya in 2019; and Putra Heights this year.

"All areas will undergo improvements in phases.

"Works are underway in three other areas, which are SS15, SS16 and Puchong Prima," she announced.

Noraini said that while the number of disabled persons in Taipan USJ was small, it was nevertheless important to look into their needs to create an inclusive society.

"To me, looking after the disabled equals to looking after everyone.

"There is no guarantee that an able-bodied person will have the ability to move independently forever.

"Some among us may also get

temporary disabilities due to accidents and medical conditions, and will need good infrastructure to assist us in moving about," she reasoned.

The works in Taipan USJ include installation of anti-slip tiles and tactile paving for 550m of a pedestrian walkway, construction of six ramps, three staircases, six pedestrian crossings with traffic lights, installation of solar-powered warning lights that flash to alert motorists of disabled pedestrians, and pedestrian crossing signage.

A wheelchair-bound storekeeper Sunny Chan, 57, was grateful for the improvements made, especially to the ramps.

"The earlier ramps were too steep.

"However, the connectivity between one area to another needs to be improved, such as from the LRT station to the pedestrian walkway.

"There is no ramp for us in wheelchairs to get out of the station safely," he said.

Blind masseur Wong Yeong Cheing, 39, said the kerbs needed to be maintained and built at an appropriate height to cater to blind folk using the cane.

"Often I find myself kicking into a kerb because its level is almost the same as the road," he said.

Noraini said the council would continue to gather feedback from the people to continuously improve the infrastructure in the municipality.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>25 September 2020</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Technical agencies in favour of new approach
Muka Surat	:	3

# Silence deemed acceptance

The concept introduced to speed up issuance of the Certificate of Completion and Compliance has been lauded all around. Technical agencies, developers and the National House Buyers Association say this will ensure new properties can be handed over to owners on time. >3



Ww technical staff inspecting the sewerage works in a building for the issuance of Clearance letter required by the developer for the CCC.

A Fire and Rescue Department enforcement officer checking a pressure gauge during a fire safety inspection.

Architects and engineers checking on the fitness of a building to provide clearance letter in accordance with the Uniform Building By-Laws for the issuance of CCC for the project's subsequent period.

By YUENITH NAIK  
 yuenith@theonion.com.my

## Technical agencies in favour of new approach

Adoption of 'silence deemed acceptance' concept expected to reduce delays and improve efficiency in some areas

FOUR technical agencies involved in checking the fitness of buildings to the Klang Valley support the proposed Executive Order Council's (EOC) plan to "silence deemed acceptance" approach to the move will expedite approvals for the Certificate of Completion and Compliance (CCC).

The "silence deemed acceptance" concept, adopted by MAMAC, has ensured owners can place their technical agencies fail to provide any feedback within 28 days upon receiving the plan.

"During the week, if the framework will be deemed. The framework will be deemed. The framework will be deemed. The framework will be deemed."

It was reported that more than 1,000 completed buildings within CCC had not been issued.

And with the movement control order still in effect, technical agencies report delays with pending inspections, which further delays administrative work such as the issuance of technical approvals.

A total of 13 certifications were requested in accordance with the Uniform Building By-Laws for the issuance of CCC. It is projected that missing permits.

A projected administrative permit can be a professional accident, request or disagreement regarding the technical agencies and sometimes are checked for missing documents or approvals for fire safety, sewerage works, water works, electric works and road works.

"If there are conditions or alterations in the project, the approval of Occupational Safety and Health Department (OSHA) is required as well."

Malaysia National Builders Association (MNBA) president Daniel Ezzi said that the move would greatly benefit developers and improve the issue of timely delivery.

"Some of the delays are not because of safety issues but merely lack of response from the technical agencies."

"Delays will occur due to the developments, but the move is expected to be more efficient and the release agencies," he noted.

"There have been instances where the officer-in-charge at tech-



agencies had gone on long leave and as such, the applications were not on hand for timely issue. The officer-in-charge would be absent because he would be on leave. Perhaps there was a lack of manpower issue there that should not be happening," he added.

The Fire and Rescue Department, which is responsible for ensuring the fire safety of buildings, oversees the fire safety certificates required by the CCC.

In an instant communication, Subcommander Salsabihah Abdul said it suggested the move and in fact, had a deadline for the staff to submit the application of the result of their visit by the fourth day.

"If all the fire safety criteria are met, a support letter will be issued and if there are shortcomings, a letter to inform the same will be issued at least five days before the deadline," she said.

Programme Aid Selangor said that regular communication between EOC and Salsabihah said it had



always supported initiatives to improve the standard of service and improve efficiency.

"We have brought our commitment to implement the concept of 'silence deemed acceptance' in 28 days, provided that the requirements set in the Q10 form during the inspection."

"In the past, we have issued all Q10 forms the clearance letter within 28 days of the Q10 form submission date by developers."

"Before any new pending approvals from the Selangor," she said.

A Group Director that CCC spokesman said it suggested the move and in fact, had a deadline for the staff to submit the application of the result of their visit by the fourth day.

"If all the fire safety criteria are met, a support letter will be issued and if there are shortcomings, a letter to inform the same will be issued at least five days before the deadline," she said.

Programme Aid Selangor said that regular communication between EOC and Salsabihah said it had



should there be no reply from TND after 28 days of receipt of applications. This is deemed to be an acceptance and the consent can carry on with the issuance of the CCC," the spokesman added.

An Indah Water Konsortium (IWK) spokesman said that it supported the move but suggested that there were other issues, including the completion of documents, which delayed the issuance of CCC.

"Based on Water Services Authority (WASA) Design and Construction of Design (D&C) and Super Trench Bore 2013, IWK's level of review is issuing Letter of Completion (LOCC) in 14 days upon receipt of documents and the completion of documents," he said.

"However, under our many cases in which we do not receive complete documentation."

"In such, we urge the developers to submit complete and accurate documentation in order to issue LOCC fast."

EOC had decided to commence the matter of press time.

**No more delays**

National House Buyers Association (NHBA) executive secretary Darius Chong Kim Loi said the new approach was a positive one.

"There are some main reasons I support the move."

"It enables us complete a task to ensure there is no delay by respective departments."

"There have also been cases of water and sewerage discharging and fire changes to minor provisions."

However, Chong stressed that the "Silence Deemed" should not be misused.

"In legal terms, if something is deemed as a matter where it is clearly wrong or inappropriate, which is not to be used as an absolute, the application of the concept is not intended to avoid administrative delays, but to ensure that there are no delays in the process of issuing CCC."

"In legal terms, if something is deemed as a matter where it is clearly wrong or inappropriate, which is not to be used as an absolute, the application of the concept is not intended to avoid administrative delays, but to ensure that there are no delays in the process of issuing CCC."

"In legal terms, if something is deemed as a matter where it is clearly wrong or inappropriate, which is not to be used as an absolute, the application of the concept is not intended to avoid administrative delays, but to ensure that there are no delays in the process of issuing CCC."



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>25 September 2020</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	All out stop illegal dumping in Klang
Muka Surat	:	4

By EDWARD RAJENDRA  
 edward@thestar.com.my

THIRTY-one people in Klang had their vehicles seized for dumping bulk waste illegally between January and August this year.

They were also slapped with a RM1,000 fine each.

Klang Municipal Council (MPK) president Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin said the council's Environmental Services Department, which carried out surveillance patrols, nabbed those involved in the illegal activity along roads that saw less traffic at night.

In 2019, the department impounded 95 vehicles for illegal dumping.

"Under our 'Prevent, Report on Unlawful Dumping' (Proud) initiative, we will not tolerate illegal dumping and will go all out to prevent it.

"We have several residents in various neighbourhoods working with MPK's Environmental department staff.

"Even if the person is dumping one broken sofa or table, he or she

## All out to stop illegal dumping in Klang



Fadzli holding up the Proud pamphlet that is being given out to residents.

will be issued a council fine," he said.

The Proud initiative focuses on engaging residents and reaches out to the public during community programmes to educate them on the importance of cleanliness, getting people to inform MPK on unlawful dumping and implementing strict enforcement.

"The initiative offers free collection of bulk waste at a person's front gate. So there is no excuse for illegal dumping.

"We are also seeing large piles of broken furniture dumped in isolated areas.

"On-the-spot fines will be issued as well to litterbugs in public places," said Fadzli.

He praised the Environmental Services Department employees for their determination and dedication in carrying out patrols at night.

"Illegal dumping is a long-standing problem in the municipality that has squeezed the council's tax assessment collection.

"People just need to WhatsApp or call to arrange for bulk waste to be collected for free," he highlighted.

Those with unwanted items that were still in good condition, he said, could also get the council to collect them and the department would find individuals who could put them to good use.

"A week ago, three sofa sets in good condition were collected. These sofas were given to B40 families to furnish their homes.

"What you don't want anymore may be useful to someone else," he pointed out.

When asked about an independent survey to evaluate public cleansing services in Klang, Fadzli

said based on observation, visits to various sites and interviews with ratepayers revealed that the public cleansing work performance by the private contractors was poor.

"Drains are not desilted, cutting of grass is done without sweeping and collection of rubbish is not done properly as it spills onto the road," he noted.

"Shoddy work must be stopped. "Now, with the Proud initiative, area supervisors with MPK's Environmental Services Department will be made to submit a weekly report.

"On MPK's side, we will strive for improvement but we need the people's cooperation not to litter or throw drink bottles into the drains," he said.

Waste collection and public cleansing services in Klang has been under Kumpulan Darul Ehsan Bhd, a wholly-owned subsidiary of Selangor Menteri Besar Incorporated, since July 2016.



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>25 September 2020</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	S'gor reps say they are aware of Anwar's move
Muka Surat	:	8

# S'gor reps say they are aware of Anwar's move

By **WANI MUTHIAH**  
 wani@thestar.com.my



**KLANG:** Many elected representatives in Selangor say they have been aware of the move by PKR president Datuk Seri Anwar Ibrahim (*pic*) to form the Federal Government for quite some time.

Selangor state assembly Speaker Ng Suee Lim said he had been hearing since last month that Anwar Ibrahim would be making some "big changes".

"The talk had gained momentum on the ground a month ago and I know for a fact that Datuk Seri Anwar has been working very hard to gain support to form the next government," said Ng when contacted yesterday.

Ng believes Anwar's announcement has a strong basis and that is why his party leader, DAP secretary-general Lim Guan Eng, had issued a statement backing the PKR president.

"Right now, all we need to do is observe and be prepared to see the mandate returned to the peo-

ple," he said.

Kapar PKR MP Datuk Abdullah Sani Abdul Hamid said there was much certainty that Anwar would be forming the Federal Government soon.

He claimed Anwar had received strong backing from many Perikatan Nasional MPs who want to see change, which he said would be imminent.

His party colleague and Sentosa assemblyman Gunaraj George hoped the Yang di-Pertuan Agong would expedite the change in government once Anwar gets permission to have an audience with the Ruler.

Tanjong Sepat PKR assemblyman Borhan Aman Shah said he was convinced that there would be a change soon.

"The only issue now is that he is not yet able to have an audience with the King," he said.

Selangor Opposition chief Rizam Ismail of Umno said Anwar should go through the right channels if indeed he had the numbers.





<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>25 September 2020</b>		
Akhbar	:	The Edge CEO Morning Brief
Tajuk Berita	:	Malaysia record approved investments totalling RM64.8b in 1H20 - MIDA
Muka Surat	:	10

## Malaysia recorded approved investments totalling RM64.8b in 1H20 — MIDA

BY SURIN MURUGIAH  
[theedgemarkets.com](http://theedgemarkets.com)

KUALA LUMPUR (Sept 24): Malaysia recorded a total of RM64.8 billion worth of investments in the manufacturing, services and primary sectors in the first six months of 2020 (6M20) despite multiple headwinds on the global front, said the Malaysian Investment Development Authority (MIDA).

In a joint statement with the Ministry of International Trade and Industry (MITI), it said the investments involved 1,725 projects and would create 37,110 employment opportunities in Malaysia.

MIDA said of the total investments approved, domestic direct investment (DDI) accounted for 69.8%, or RM45.3 billion, while foreign direct investment (FDI) made up the remaining RM19.5 billion.

It said Singapore (RM4.9 billion), Switzerland (RM2.8 billion), China (RM2.2 billion), the US (RM2.2 billion) and Thailand (RM1.8 billion) were the top five sources of FDI for the manufacturing, services and primary sectors during the period.

For approved projects by state, the five major states — namely Sabah, Selangor, Pulau Pinang, Kuala Lumpur and Johor — contributed RM47.1 billion (72.6%) to total approved investments in January to June 2020.

The manufacturing sector attracted the largest portion of approved investments in the first half of 2020 (1H20), contributing more than half (55.1%) or RM35.7 billion, followed by the services sector with 44.2% of investments or RM28.6 billion, and the primary sector with 0.7% of approved investments or RM500 million.

For 6M20, the manufacturing sector attracted the largest portion of approved investments, contributing RM35.7 billion, which was only a 3% decrease from the corresponding period of last year.

Investments approved for the manufacturing sector were mainly in petroleum products, including petrochemicals (RM13.6 billion), machinery and equipment (M&E) (RM5.2 billion), electrical and electronics (E&E) products (RM5 billion), food manufacturing (RM2.1 billion), scientific and measuring equipment (RM2 billion), transport equipment (RM1.8 billion), chemicals and chemical products (RM1.6 billion), and non-metallic minerals (RM1 billion).



These made up 90.2% of total approved investments in this sector.

MITI and MIDA said with a total of 398 projects, these newly approved investments are expected to create 26,940 jobs for the country.

The jobs being created include managerial roles (1,925), technical and supervisory roles (4,887), craft skill professionals (3,226), machinery operators and installers (11,117), as well as sales and clerical personnel (1,881).

The states that recorded the highest total approved investments in the manufacturing sector during the period were Sabah, Pulau Pinang, Johor, Selangor and Terengganu.

These states collectively contributed RM29.7 billion.

Meanwhile, for January to June 2020, the services sector recorded 1,316 approved projects with investments worth RM28.6 billion.

These services projects approved in 6M20 are expected to create 10,114 jobs for the economy.

MITI and MIDA said the majority of the main services sub-sectors showed a significant decline in approved investments except for support services and MSC status projects.

The top five contributors of approved investments in the services sector were real estate (RM12.2 billion), utilities (RM9.4 billion), support services (RM2.4 billion), financial services (RM1.8 billion) and tel-

communications (RM1.3 billion).

The primary sector attracted investments worth RM471 million during 6M20.

This sector comprises three main sub-sectors, namely mining, agriculture and plantations, and commodities.

All approved investments in this sector during the period were from domestic sources.

Senior Minister of International Trade and Industry Datuk Seri Mohamed Azmin Ali said while foreign investments assume an essential role in the development of the country, greater emphasis is being put in place to drive domestic investments and turning more domestic companies into global players.

“We will continue to prioritise the acceleration of technology adoption in all segments of the economy by harnessing the potential of Industry 4.0 to boost Malaysia’s productivity and competitiveness,” he said.

Mohamed Azmin said Malaysia’s economy is set to regain its momentum going into 2H20.

“However, the pandemic is far from over and the government is closely monitoring its progress as the nation journeys towards a recovery.

“MIDA seeks to better support investments through continuous engagements and collaborations with the private and public sectors towards broadening prosperity for the country,” he said.